



PESTA SUKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (PSKK) 2026

KALI KE-47

PERATURAN PERTANDINGAN

ACARA SUKAN:

OLAHRAGA

1. PENGENALAN

1.1. Nama Pertandingan

- 1.1.1. Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Olahraga Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026) yang diselolakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

1.2. Kategori Pertandingan

- 1.2.1. Pertandingan Olahraga dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama seperti berikut:

No.	Kategori	Keterangan
1.	<i>Sprint</i> (26 acara)	Acara pecut, lari berpagar, jalan kaki kategori pegawai dan acara lari berganti-ganti.
2.	<i>Middle & Long Distance</i> (16 acara)	Acara jarak sederhana, jarak jauh, jalan kaki dan lari berhalangan.
3.	<i>Fields</i> (16 acara)	Acara lompatan dan balingan.

- 1.2.2. Setiap kategori yang dipertandingkan dalam acara sukan OLAHRAGA ini dipecahkan kepada acara-acara seperti berikut;

KATEGORI <i>SPRINT</i>	
No. Acara	Acara
1.	100M KATEGORI TERBUKA (L)
2.	100M KATEGORI TERBUKA (W)
3.	100M KATEGORI VETERAN (L)
4.	100M KATEGORI VETERAN (W)
5.	200M KATEGORI TERBUKA (L)
6.	200M KATEGORI TERBUKA (W)
7.	200M KATEGORI VETERAN (L)
8.	200M KATEGORI VETERAN (W)
9.	400M KATEGORI TERBUKA (L)
10.	400M KATEGORI TERBUKA (W)
11.	400M KATEGORI VETERAN (L)
12.	400M KATEGORI VETERAN (W)
13.	4 x 100M RELAY KATEGORI TERBUKA (L)
14.	4 x 100M RELAY KATEGORI TERBUKA (W)
15.	4 x 100M RELAY KATEGORI VETERAN (L)
16.	4 x 100M RELAY KATEGORI VETERAN (W)
17.	4 x 400M RELAY KATEGORI TERBUKA (L)
18.	4 x 400M RELAY KATEGORI TERBUKA (W)
19.	4 x 400M RELAY KATEGORI VETERAN (L)

20.	4 x 400M RELAY KATEGORI VETERAN (W)
21.	400M JALAN KAKI (PEGAWAI) (W)
22.	RELAY MEDLEY (C) KATEGORI PEGAWAI
23.	110M LARI BERPAGAR (L)
24.	100M LARI BERPAGAR (W)
25.	400M LARI BERPAGAR (L)
26.	400M LARI BERPAGAR (W)

KATEGORI MIDDLE AND LONG DISTANCE	
No. Acara	Acara
1.	800M KATEGORI TERBUKA (L)
2.	800M KATEGORI TERBUKA (W)
3.	1500M KATEGORI TERBUKA (L)
4.	1500M KATEGORI TERBUKA (W)
5.	1500M KATEGORI VETERAN (L)
6.	1500M KATEGORI VETERAN (W)
7.	5000M KATEGORI TERBUKA (L)
8.	5000M KATEGORI TERBUKA (W)
9.	10000M KATEGORI TERBUKA (L)
10.	10000M KATEGORI TERBUKA (W)
11.	3000M JALAN KAKI KATEGORI TERBUKA (W)
12.	5,000M JALAN KAKI KATEGORI TERBUKA (L)
13.	5,000M JALAN KAKI KATEGORI TERBUKA (W)

14.	5,000M JALAN KAKI KATEGORI VETERAN (L)
15.	3,000M LARI BERHALANGAN (L)
16.	2,000M LARI BERHALANGAN (W)

KATEGORI <i>FIELDS</i>	
No. Acara	Acara
1.	LOMPAT KIJANG (L)
2.	LOMPAT KIJANG (W)
3.	LOMPAT JAUH (L)
4.	LOMPAT JAUH (W)
5.	LOMPAT TINGGI (L)
6.	LOMPAT TINGGI (W)
7.	MEREJAM LEMBING (L)
8.	MEREJAM LEMBING (W)
9.	MELEMPAR CAKERA KATEGORI TERBUKA (L)
10.	MELEMPAR CAKERA KATEGORI TERBUKA (W)
11.	MELEMPAR CAKERA KATEGORI VETERAN (L)
12.	MELEMPAR CAKERA KATEGORI VETERAN (W)
13.	MELONTAR PELURU KATEGORI TERBUKA (L)
14.	MELONTAR PELURU KATEGORI TERBUKA (W)
15.	MELONTAR PELURU KATEGORI VETERAN (L)
16.	MELONTAR PELURU KATEGORI VETERAN (W)

- 1.2.3. Bilangan acara yang dipertandingkan bagi setiap kategori termasuk pembahagian mengikut kategori Terbuka, Veteran, Pegawai atau

Campuran adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 melalui jadual pertandingan rasmi.

- 1.3. Bagi acara **(No. 22) RELAY MEDLEY (C) KATEGORI PEGAWAI** adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - 1.3.1. Seorang peserta wanita dari kategori Pegawai Gred 41 ke atas atau setaraf dengannya akan membuat larian 100 meter pertama.
 - 1.3.2. Seorang peserta lelaki dari kategori Pegawai Gred 48 ke atas atau setaraf dengannya dan berumur 40 tahun ke atas akan membuat larian 100 meter kedua.
 - 1.3.3. Dua orang peserta lelaki lain kategori Pegawai Gred 41 ke atas atau setaraf dengannya akan membuat larian ketiga dan keempat masing-masing bagi larian 200 meter dan 400 meter.
 - 1.3.4. Peserta yang mengambil bahagian di dalam acara olahraga (terbuka dan veteran) yang dipertandingkan tidak dibenarkan menyertai acara tersebut di atas.
- 1.4. Bagi acara Pegawai, peserta Lelaki dan Wanita hendaklah dari Kumpulan A/ Pegawai (Gred 41 ke atas) atau setaraf dengannya dan hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam acara Pegawai sahaja.
- 1.5. Pingat kemenangan yang diberikan untuk acara 400 Meter Jalan Kaki Wanita (Pegawai Kanan) dan Medley campuran akan dikira sebagai jumlah pungutan pingat bagi setiap agensi yang memenangi acara tersebut.

2. PERATURAN UMUM

- 2.1. Selain daripada peraturan pertandingan ini, pertandingan ini adalah tertakluk kepada Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Kali Ke-47 Tahun 2026 (PSKK 2026), **Peraturan *World Athletics*** dan **Peraturan *Malaysia Athletics (MA)*** yang sedang berkuat kuasa.
- 2.2. Sekiranya terdapat percanggahan antara Peraturan Pertandingan ini dengan Peraturan Am PSKK 2026, maka Peraturan Am PSKK 2026 hendaklah diguna pakai.
- 2.3. Sekiranya berlaku percanggahan tafsiran antara versi Bahasa Malaysia dengan mana-mana **Peraturan *World Athletics***, teks asal **Peraturan *World Athletics*** dalam versi Bahasa Inggeris hendaklah dirujuk bagi tujuan tafsiran teknikal.
- 2.4. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dengan mengambil kira Peraturan Am PSKK 2026, **Peraturan *World Athletics*** dan **Peraturan *Malaysia Athletics (MA)*** yang sedang berkuat kuasa.
- 2.5. Semua acara hendaklah dijalankan mengikut spesifikasi teknikal, prosedur pertandingan, ukuran peralatan, ukuran gelanggang, kaedah penghakiman dan tatacara pertandingan yang ditetapkan oleh ***World Athletics*** dan ***Malaysia Athletics (MA)***, tertakluk kepada pengubahsuaian yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

3. TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. Tarikh dan tempat pertandingan Olahraga PSKK 2026 adalah seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 seperti berikut:

Tarikh	14 - 15 November 2026 (Sabtu - Ahad) <i>(tertakluk kepada pindaan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026)</i>
Tempat	Stadium Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor

- 3.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak membuat pindaan terhadap tarikh, masa, tempat atau jadual pertandingan sekiranya perlu atas faktor keselamatan, teknikal, operasi atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada semua agensi dengan kadar segera.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1. Setiap agensi digalakkan menyertai ketiga-tiga kategori. Walau bagaimanapun, agensi yang tidak mempunyai atlet yang layak bagi sesuatu kategori masih dibenarkan menyertai kejohanan tanpa menjejaskan kelayakan penyertaan.
- 4.2. Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan bilangan atlet mengikut syarat penyertaan bagi setiap acara sukan. Bilangan atlet, Pengurus Pasukan dan Jurulatih yang dibenarkan adalah seperti yang diperincikan dalam jadual bagi setiap acara (Perkara 3.0 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026).
- 4.3. Setiap agensi dibenarkan mendaftarkan **maksimum tiga (3) atlet bagi setiap acara individu** dan **satu (1) pasukan bagi setiap acara berganti-ganti (relay)**.

- 4.4. Seseorang atlet hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam **maksimum tiga (3) acara individu dan dua (2) acara berpasukan (relay)**.
- 4.5. Bagi atlet yang telah menyertai **(No. 22) RELAY MEDLEY (C) KATEGORI PEGAWAI**, atlet tersebut **hanya dibenarkan** untuk **menyertai acara ini sahaja**.
- 4.6. Atlet hanya dibenarkan bertanding dalam kategori yang layak berdasarkan syarat kelayakan PSKK 2026, termasuk kategori **Terbuka, Veteran, Pegawai** atau **Campuran**, mengikut acara yang dipertandingkan.
- 4.7. Semua atlet hendaklah berdaftar dengan agensi masing-masing mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.8. Hanya atlet yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 4.9. Sebarang pendaftaran atlet yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan, melainkan mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 4.10. Sebarang permohonan pindaan pendaftaran atlet selepas tarikh tutup hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tertakluk kepada Peraturan Am PSKK 2026.
- 4.11. Senarai pendaftaran atlet hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 sebelum tarikh tutup pendaftaran yang ditetapkan.

- 4.12. Penggantian atlet selepas undian atau penyediaan jadual pertandingan tidak dibenarkan, kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 atas sebab-sebab luar jangka yang disokong dengan bukti yang memuaskan.
- 4.13. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menolak mana-mana pendaftaran yang tidak memenuhi syarat kelayakan, tidak lengkap atau dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran.

5. FORMAT PERTANDINGAN

- 5.1. Format pertandingan hendaklah mengikut Peraturan Am PSKK 2026, Perkara 11.0 (Pertandingan) dan jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.2. Umur atlet veteran adalah sebagaimana perkara 4.1.3 Peraturan Am Pesta Sukan Kementerian Kewangan Ke-47, 2026.
- 5.3. Semua jadual acara adalah tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 5.4. Pertandingan Olahraga PSKK 2026 dilaksanakan berdasarkan kategori acara Sprint, Middle & Long Distance dan Fields sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini.
- 5.5. Format pertandingan bagi setiap acara adalah tertakluk kepada bilangan penyertaan atlet dan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 mengikut Peraturan *World Athletics*.

- 5.6. Sekiranya bilangan penyertaan memerlukan pusingan saringan, separuh akhir atau akhir, format pertandingan hendaklah ditentukan berdasarkan kapasiti tempat pertandingan, jadual pertandingan dan bilangan penyertaan.

6. PERALATAN

- 6.1. Atlet hendaklah menggunakan peralatan permainan yang bersesuaian dan mematuhi Undang-undang *Malaysia Athletics (MA)*.
- 6.2. Semua peralatan pertandingan hendaklah berada dalam keadaan baik, selamat dan sesuai digunakan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 6.3. Sebarang kerosakan atau penggantian peralatan sepanjang pertandingan adalah tertakluk kepada keputusan Ketua Pengadil dan Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 6.4. Berikut merupakan senarai rasmi berat peralatan acara balingan dan lontaran yang akan digunakan bagi pertandingan ini:

Acara	Berat	
	Lelaki	Wanita
Lontar Peluru	7.62 KG	4.00 KG
Lempar Cakera (Discus)	2.00 KG	1.00 KG
Rejam Lembing (Javelin)	0.8 KG	0.6 KG

7. WAKTU PERTANDINGAN DAN PENANGGUHAN PERTANDINGAN

- 7.1. Semua acara hendaklah dijalankan mengikut jadual pertandingan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 .
- 7.2. Semua atlet hendaklah melaporkan diri di **Call Room** atau tempat lapor diri yang ditetapkan seperti berikut:

Jenis Acara	Masa Lapor Diri
Acara Balapan (<i>Track Events</i>)	30 minit sebelum acara bermula
Acara Padang (<i>Fields Events</i>)	30 minit sebelum acara bermula

- 7.3. Atlet yang gagal melaporkan diri di *Call Room* atau kawasan lapor diri yang ditetapkan dalam tempoh yang ditentukan akan dianggap tidak hadir (*Did Not Start – DNS*) atau ditarik diri daripada acara berkenaan mengikut Peraturan *World Athletics* dan keputusan Pegawai Teknikal.
- 7.4. Semua atlet hendaklah bersedia berada di kawasan pertandingan apabila dipanggil oleh pegawai pertandingan. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh menyebabkan atlet tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam acara berkenaan.
- 7.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, menunda atau menyusun semula jadual pertandingan sekiranya berlaku keadaan cuaca buruk, faktor keselamatan, kerosakan peralatan, keadaan tempat pertandingan atau sebab-sebab lain yang munasabah.
- 7.6. Jadual pertandingan akan diberikan kepada semua pasukan bertanding sebelum tarikh pertandingan. Jika terdapat sebarang pindaan dan pertukaran terhadap

jadual pertandingan, pihak urusetia akan memaklumkan perkara ini kepada Pengurus Pasukan / Ketua Pasukan / Jurulatih melalui saluran komunikasi rasmi, papan kenyataan pertandingan dan pengumuman stadium.

- 7.7. Semua atlet, pegawai pasukan dan agensi hendaklah mematuhi sebarang perubahan jadual atau arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 7.8. Hanya pegawai pertandingan yang bertugas, atlet yang sedang mengambil bahagian serta individu yang diberi kebenaran oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 dibenarkan berada di kawasan pertandingan.
- 7.9. Tiap-tiap permulaan akan dimulakan mengikut masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam aturcara (*Programme*). Jawatankuasa Pengelola adalah berhak untuk membuat sebarang pindaan yang dianggap mustahak dalam aturcara.

8. PEGAWAI TEKNIKAL

- 8.1. Semua Pegawai Teknikal pertandingan hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 8.2. Pegawai Teknikal hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing mengikut Peraturan *World Athletics, Malaysia Athletics (MA)* serta Peraturan Pertandingan PSKK 2026.
- 8.3. Semua atlet, Pengurus Pasukan, Jurulatih dan pegawai agensi hendaklah mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Teknikal sepanjang

pertandingan berlangsung.

- 8.4. Keputusan Pegawai Teknikal berkaitan pengendalian sesuatu acara adalah muktamad, tertakluk kepada peruntukan rayuan yang ditetapkan dalam Peraturan Am PSKK 2026 (Perkara 7.0 & 8.0), jika berkenaan.
- 8.5. Selain dari pegawai-pegawai yang bertugas serta atlet yang sedang mengambil bahagian dan jurugambar rasmi, tidak siapa pun dibenarkan masuk ke dalam gelanggang.
- 8.6. Saringan untuk semua lorong pertandingan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

9. SISTEM PERTANDINGAN DAN PERATURAN TEKNIKAL

- 9.1. Semua aspek teknikal pertandingan hendaklah tertakluk kepada Peraturan *World Athletics, Malaysia Athletics (MA)* serta Peraturan Pertandingan PSKK 2026 yang sedang berkuat kuasa.
- 9.2. Pusingan saringan, separuh akhir dan akhir akan dijalankan berdasarkan bilangan penyertaan, jadual pertandingan serta kesesuaian tempat pertandingan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 selaras dengan Peraturan *World Athletics*.
- 9.3. LATIHAN MELONTAR
 - 9.3.1. Untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan, atlet mestilah diberi peringatan bahawa semasa latihan, alat-alat mestilah dilontar

hanya dari garisan lengkungan atau garisan bahagian atau kawasan yang berhampiran dengannya sahaja, dan mestilah dipulangkan balik dalam kawasan latihan atau pertandingan dengan dibawa sendiri dan bukannya dilontar balik ke kawasan permulaan. Referi atau lain-lain pegawai yang berkenaan berhak tidak membenarkan mana-mana atlet daripada mengambil bahagian dalam sebarang bahagian olahraga jika dengan sengaja atlet berkenaan tidak mematuhi peraturan-peraturan seperti yang tersebut di atas iaitu selepas mereka diberitahu tentang hal ini.

9.4. ACARA LOMPATAN DAN LONTARAN

9.4.1. Dalam pertandingan-pertandingan bagi semua lontaran dan lompatan (kecualikan lompat tinggi) tiap-tiap atlet akan dibenarkan sebanyak tiga (3) percubaan dan hanya lapan (8) atlet yang terbaik akan dipilih untuk peringkat seterusnya. Atlet tidak dibenarkan untuk percubaan tambahan. Bagi setiap atlet hanya percubaan yang terbaik sahaja akan diambil kira. Jika hanya ada lapan (8) atau kurang daripada (8) atlet, tiap-tiap atlet akan diberikan enam (6) percubaan.

9.5. BAHAGIAN BALAPAN

9.5.1. Atlet hendaklah mengambil perhatian bahawa sebagai tambahan kepada perlumbaan-perlumbaan biasa yang dijalankan dalam lorong-lorong daripada tempat perlumbaan yang bersukat (*Staggered Starts*) perkara di bawah ini hendaklah dipatuhi.

- 9.5.2. Lari berganti-ganti 4 x 100m hendaklah mengikut lorong masing-masing dari tempat permulaan hingga tamat larian. Zon pertukaran Baton untuk pelari kedua, ketiga dan keempat mengambil jarak yang biasa sejauh 10 meter di sebelah menyebelah garisan permulaan/penghabisan.
- 9.5.3. Lari berganti-ganti 4 x 400m pelari pertama hendaklah mengikut lorong dari tempat permulaan yang bersukat dengan satu pusingan dan pelari kedua ditambah dengan satu larian lingkungan dalam lorong yang asal dan boleh memotong (*breakline*) ke Lorong Dalam, zon pertukaran baton pelari kedua dan ketiga mengambil jarak yang biasa sejauh 30 meter di sebelah menyebelah garisan permulaan/penghabisan.
- 9.5.4. 800 meter – mengikut lorong daripada tempat permulaan yang bersukat-sukat dan ditambah dengan satu larian lingkungan di dalam lorong-lorong.

9.6. HAD MASA

- 9.6.1. Atlet acara padang yang dengan sengaja melambatkan percubaan boleh disingkirkan. Atlet yang tidak memulakan percubaan dalam masa yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah boleh dianggap sengaja melengahkan pertandingan. Masa untuk membolehkan atlet menjalankan percubaan hendaklah biasanya tidak melebihi:-

- 9.6.1.1. Didalam bahagian Lompat Jauh dan Lompat Kijang, 2 minit

- 9.6.1.2. Atlet hendaklah diberitahu oleh Pegawai yang bertanggungjawab apabila masa membolehkan atlet mengambil percubaan diadakan.

10. PAKAIAN PERTANDINGAN

- 10.1. Semua atlet hendaklah memakai pakaian sukan yang kemas, bersesuaian dan sopan sepanjang pertandingan.
- 10.2. Semua atlet hendaklah memakai nombor atlet (bib) yang disediakan oleh pihak penganjur mengikut kaedah yang telah ditetapkan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 10.3. Bagi acara lari berganti-ganti, setiap atlet hendaklah memakai singkatan nama atau identiti agensi seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 10.4. Sebarang pakaian, kasut atau peralatan yang digunakan oleh atlet hendaklah mematuhi Peraturan *World Athletics* yang sedang berkuat kuasa.
- 10.5. Ketua Pengadil berhak melarang mana-mana atlet daripada mengambil bahagian sekiranya pakaian atau kelengkapan yang digunakan didapati tidak mematuhi Peraturan Pertandingan ini.

11. SYARAT PERTANDINGAN

- 11.1. Hanya atlet yang berdaftar dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 layak mengambil bahagian dalam pertandingan.

- 11.2. Semua atlet hendaklah melaporkan diri mengikut masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 11.3. Semua atlet hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 11.4. Semua atlet bertanggungjawab memastikan mereka berada dalam keadaan sihat dan cergas sebelum mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 11.5. Mana-mana pasukan atau atlet yang menarik diri daripada pertandingan selepas pengesahan penyertaan hendaklah mematuhi ketetapan yang diperuntukkan di bawah Peraturan Am PSKK 2026.
- 11.6. Semua atlet hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Teknikal sepanjang pertandingan berlangsung.
- 11.7. Atlet hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam acara yang telah didaftarkan dan disahkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 11.8. Atlet hendaklah berada dalam keadaan bersedia untuk bertanding apabila dipanggil. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan atlet dianggap menarik diri daripada acara berkenaan.
- 11.9. Atlet tidak dibenarkan memanaskan badan dalam gelanggang tetapi mereka dibenarkan berbuat demikian di luar stadium. Atlet dalam acara bahagian lompatan dan lemparan dibenarkan membuat percubaan dalam gelanggang.

- 11.10. Atlet tidak dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai nombor yang ditentukan iaitu di bahagian dada dan di belakang tetapi di dalam acara Lompat Tinggi, satu nombor boleh digunakan. Abjad-abjad Jabatan hendaklah dipakai semasa acara Lari Berganti-ganti.
- 11.11. Atlet dikehendaki berada di stadium atau di bawah khemah masing-masing sepanjang masa pertandingan dijalankan.

12. KESALAHAN DAN DENDA

- 12.1. Semua atlet, Pengurus Pasukan dan Jurulatih hendaklah mematuhi Peraturan Pertandingan ini, Peraturan Am PSKK 2026 serta arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.2. Mana-mana agensi yang didapati mengemukakan maklumat palsu atau menggunakan atlet yang tidak layak boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.
- 12.3. Sebarang salah laku atau tindakan yang berlaku semasa sesuatu perlawanan hendaklah dikendalikan mengikut Peraturan *World Athletics* dan *Malaysia Athletics (MA)* serta keputusan Ketua Pengadil.
- 12.4. Mana-mana atlet, Pengurus Pasukan atau Jurulatih yang menunjukkan tingkah laku tidak beretika, tidak berhemah atau menjejaskan kelancaran pertandingan boleh dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026.

12.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan. Tindakan yang boleh dikenakan termasuk amaran lisan, amaran bertulis, pembatalan keputusan, pembatalan penyertaan atau penggantungan.

12.6. Sebarang kesalahan teknikal semasa pertandingan hendaklah ditentukan mengikut Peraturan *World Athletics* dan *Malaysia Athletics (MA)* yang sedang berkuat kuasa.

12.7. PEMBATALAN

12.7.1. Mereka yang layak dalam saringan percubaan mestilah bertanding dalam pusingan yang berikutnya atau dalam pertandingan akhir. Sekiranya tidak dapat mengambil bahagian boleh digantung daripada mengambil bahagian. Penggantungan hanya terpakai bagi acara tersebut dan tidak menjejaskan penyertaan atlet dalam acara lain kecuali terdapat salah laku.

12.7.2. Mereka yang mengambil bahagian lebih daripada satu (1) acara dan kemudiannya tidak mengambil bahagian pada salah satu acara seterusnya tidak dibenarkan mengambil bahagian pada acara berikutnya.

13. PERTUKARAN PEMAIN

13.1. Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan mengambil bahagian dan Agensi adalah dilarang menukar nama peserta masing-masing bagi acara yang telah didaftar/ disertainya.

- 13.2. Pertukaran nama pemain boleh dibuat semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan (tarikh, masa dan tempat akan dimaklumkan). Penggantian yang dibuat mestilah terdiri dari peserta yang telah didaftarkan di dalam borang pendaftaran. Kemasukan nama Peserta Baru adalah tidak dibenarkan.
- 13.3. Penggantian peserta mestilah mengambil semua acara peserta yang telah menarik diri. Peserta yang menarik diri tidak boleh mengambil bahagian di dalam sebarang acara lain termasuk acara Lari Berganti-ganti (*Relay*).
- 13.4. Acara tidak akan dijalankan jika terdapat kurang daripada tiga (3) penyertaan selepas tamat tarikh tutup pendaftaran atlet. Pembatalan acara akan dimaklumkan ketika mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

14. PENGIRAAN PINGAT DAN PENENTUAN JOHAN OLAHRAGA |

14.1. PENGIRAAN JOHAN BAGI SETIAP KATEGORI

- 14.1.1. Mulai edisi PSKK 2026, acara Olahraga akan dipertandingkan mengikut tiga (3) kategori seperti berikut. Penentuan kedudukan bagi setiap kategori hendaklah dibuat berdasarkan pengiraan pingat yang diperuntukkan di bawah Peraturan Pertandingan ini.

- 14.1.1.1. Olahraga *Sprint*;

- 14.1.1.2. Olahraga *Middle & Long Distance*; dan

- 14.1.1.3. Olahraga *Fields*.

- 14.1.2. Jumlah pingat emas, perak dan gangsa yang diperoleh oleh setiap agensi dalam setiap kategori hendaklah dikira secara berasingan bagi menentukan kedudukan bagi kategori berkenaan.
- 14.1.3. Agensi yang memperoleh jumlah pingat emas terbanyak dalam sesuatu kategori akan diisytiharkan sebagai Johan bagi kategori tersebut.
- 14.1.3.1. Sekiranya berlaku seri, penentuan kedudukan hendaklah berdasarkan jumlah pingat perak, diikuti jumlah pingat gangsa. Jika masih seri;
- 14.1.3.2. Pasukan yang mengumpul jumlah keseluruhan pingat yang terbanyak (Pingat Emas, Pingat Perak dan Pingat Gangsa). Jika masih seri;
- 14.1.3.3. Selepas mengambil kira semua kriteria di atas, agensi yang terlibat hendaklah diisytiharkan sebagai Johan Bersama.
- 14.2. Bagi tujuan pengiraan pingat keseluruhan PSKK 2026, hanya keputusan akhir bagi setiap kategori akan diambil kira. Oleh yang demikian, setiap kategori akan menyumbang satu (1) pingat emas, satu (1) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa kepada kedudukan keseluruhan PSKK 2026.

Kategori	Johan	Naib Johan	Tempat Ketiga
<i>Sprint</i>	1 Emas	1 Perak	1 Gangsa
<i>Middle & Long Distance</i>	1 Emas	1 Perak	1 Gangsa

<i>Fields</i>	1 Emas	1 Perak	1 Gangsa
Jumlah Sumbangan kepada Kedudukan Keseluruhan PSKK	3 Emas	3 Perak	3 Gangsa

14.3. PENGIRAAN JOHAN KESELURUHAN OLAHRAGA

14.3.1. Pingat yang diperolehi bagi acara Olahraga kategori *Sprint, Middle & Long Distance* dan *Fields* seperti di perkara 14.2 akan dikira bagi menentukan kedudukan agensi dalam pengiraan Johan Keseluruhan Olahraga.

14.3.2. Agensi yang terlibat di perkara 14.2 yang mengumpul jumlah Pingat Emas yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai Johan Keseluruhan Olahraga.

14.3.3. Jika terdapat dua (2) atau lebih agensi yang terlibat mengumpul jumlah Pingat Emas yang sama, Johan Keseluruhan Olahraga akan ditentukan dengan cara berikut:-

14.3.3.1. Agensi yang mengumpul jumlah Pingat Perak yang terbanyak, jika seri;

14.3.3.2. Pasukan yang mengumpul jumlah Pingat Gangsa yang terbanyak, jika masih seri;

- 14.3.3.3. Jumlah pungutan pingat emas keseluruhan (jumlah pingat emas ketiga-tiga kategori) terbanyak bagi agensi yang terlibat, jika masih seri;
- 14.3.3.4. Jumlah pungutan pingat perak keseluruhan (jumlah pingat perak ketiga-tiga kategori) terbanyak bagi agensi yang terlibat, jika masih seri;
- 14.3.3.5. Jumlah pungutan pingat gangsa keseluruhan (jumlah pingat gangsa ketiga-tiga kategori) terbanyak bagi agensi yang terlibat, jika masih seri;
- 14.3.3.6. Diisytiharkan sebagai Johan Bersama.

14.4. PEMILIHAN OLAHRAGAWAN DAN OLAHRAGAWATI

- 14.4.1. Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Acara Olahraga diberikan kepada seorang (1) atlet lelaki dan seorang (1) atlet wanita yang menunjukkan prestasi keseluruhan terbaik sepanjang Pertandingan Olahraga PSKK 2026.
- 14.4.2. Penentuan penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati adalah dibuat berdasarkan kriteria berikut mengikut turutan keutamaan:
 - 14.4.2.1. Jumlah pingat emas individu yang diperoleh;

- 14.4.2.2. Sekiranya masih seri, jumlah pingat perak individu yang diperoleh;
- 14.4.2.3. Sekiranya masih seri, jumlah pingat gangsa individu yang diperoleh;
- 14.4.2.4. Sekiranya masih seri, pencapaian dalam acara berganti-ganti (*relay*) hendaklah diambil kira berdasarkan jumlah pingat emas, diikuti jumlah pingat perak dan jumlah pingat gangsa yang diperoleh;
- 14.4.2.5. Sekiranya masih seri selepas mengambil kira semua kriteria di atas, Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 hendaklah menentukan penerima anugerah melalui **buku mata score** dan keputusannya adalah muktamad. Sekiranya

15. HAK JAWATANKUASA PERTANDINGAN

- 15.1. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 akan menjalankan undian perlawanan mengikut amalan dan format *Malaysia Athletics (MA)* yang terpakai.
- 15.2. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 adalah berhak mengambil / membuat sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan / masalah dalam kejohanan ini yang tidak tercatat dalam Peraturan Pertandingan ini dan keputusan yang diambil adalah muktamad.

16. KESELAMATAN

- 16.1. Pihak penganjur menyediakan perkhidmatan ambulans dan paramedik di tempat pertandingan bagi sebarang kecederaan atau kecemasan yang berlaku ketika pertandingan berlangsung.
- 16.2. Semua atlet, pegawai pasukan dan atlet hendaklah mematuhi arahan Pegawai Teknikal, petugas pertandingan serta pihak keselamatan sepanjang pertandingan berlangsung.
- 16.3. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 berhak menangguhkan, memberhentikan atau membatalkan sesuatu perlawanan sekiranya keadaan didapati boleh menjejaskan keselamatan atlet, pegawai atau orang awam.
- 16.4. Semua atlet bertanggungjawab memastikan keadaan fizikal masing-masing sesuai untuk mengambil bahagian dalam pertandingan serta mematuhi semua keperluan keselamatan yang ditetapkan.
- 16.5. Jawatankuasa Pertandingan & Teknikal PSKK 2026 tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerosakan atau kecurian harta benda milik atlet, pegawai atau mana-mana individu sepanjang pertandingan berlangsung.

PERKARA-PERKARA LAIN

- 16.6. Sebarang perkara yang tidak diperuntukkan dalam Peraturan Pertandingan ini hendaklah dirujuk kepada Peraturan Am PSKK 2026, Peraturan *World Athletics* dan Peraturan *Malaysia Athletics (MA)* yang sedang berkuat kuasa.

- 16.7. Semua atlet hendaklah mengamalkan semangat kesukanan yang tinggi serta mengekalkan nilai-nilai murni bagi memastikan pertandingan PSKK 2026 dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan harmoni.

LAMPIRAN A: WARNA DAN ABJAD PASUKAN

Pasukan-pasukan dan warna serta abjad besar acara berpasukan adalah seperti berikut:-

BIL.	AGENSI	WARNA	ABJAD
1	Bank Negara Malaysia	Merah	A
2	Bank Simpanan Nasional	Teal	B
3	Bursa Malaysia	Hijau	C
4	Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Ungu	D
5	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Kelabu	E
6	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	Kuning	F
7	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Putih	G
8	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	Hitam	H
9	Perbendaharaan Malaysia	Coklat	J
10	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Biru	K
11	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	Jingga	M
12	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	Merah Jambu	N
13	Lembaga Pembangunan Langkawi	Magenta	P